

Headline	MyCEB perluas program myCSR di ReGen Rehab Hospital		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	26	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	238 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,046
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,137



MyCEB perluas program myCSR di ReGen Rehab Hospital

MALAYSIA Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) meluaskan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) menerusi program 'MyCSR A Second Chance' di ReGen Rehab Hospital baru-baru ini.

Program itu dirasmikan oleh Pengarah Pemasaran dan Komunikasi MyCEB Mohammad Isa Abdul Halim telah menyumbang lima kerusi roda dan lima kerusi 'commode' kepada pesakit di bawah program CSR Wish Upon a Star hospital tersebut.

"Kerusi roda dan kerusi commode ini akan memudahkan pergerakan pesakit dan sumbangan ini adalah contoh bagaimana pihak MyCEB bersama pemain industri Acara Perniagaan atau Business Events (MICE) Malaysia menyumbang kembali kepada masyarakat," katanya menerusi kenyataan akhbar.



PESERTA program MyCEB MyCSR: A Second Chance merakamkan kenangan di Hospital ReGen Rehab, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MoTAC) itu memberitahu, dari tahun 2009 sehingga kini, MyCEB telah melaksanakan 28 program MyCSR,

termasuk menanam sebanyak 2,040 pokok di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong menerusi program *Let's Meet and Green, Unwind with a Cause* dan *Soup Kitchen*.

MyCEB ditubuhkan untuk mengurus dan meningkatkan profil antarabangsa Malaysia dalam empat pasaran acara perniagaan iaitu konvensyen, acara, mesyuarat dan pameran antarabangsa.